89

# HEBAHAN : PENCALONAN PESERTA PROGRAM KAEDAH PENYELIDIKAN BIL.2/2011

University Teaching and Learning Centre

Pesanan ini telah dihantar dengan kepentingan Tinggi.

**Telah Dihantar:** 24 Julai 2011 8:45

**Kepada:** UUM - All Staff

**Sk:** Rosmimah binti Omar; Badariah binti Mohd. Zahir; Fazimah Bt Morad; Mahadzir Bin Md Said; Dr. Ruzlan bin Md. Ali; Prof. Madya Dr. Azlina Bt Murad Sani; UUM - UTLC

**Lampiran-lampiran:** LAMPIRAN 1 ModulKP2.11.doc (46 KB) [Buka sebagai Halaman Web]; LAMPIRAN 2 BrgPencalonan.doc (31 KB) [Buka sebagai Halaman Web]

24 JULAI 2011/22 SYAABAN 1432H
============================
"UUM: UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)

Semua Staf Akademik
Universiti Utara Malaysia

Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) akan mengadakan **Program Kaedah Penyelidikan Bil.2/2011**. Kursus ini merupakan kursus wajib bagi semua staf akademik UUM yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D.

Untuk makluman tuan/puan, pelaksanaan program ini adalah secara bermodul seperti di ***lampiran 1***. Peserta perlu mengikuti setiap modul 1 hingga 4 dengan jayanya sebelum dianugerahkan sijil dan 30 mata PBU.

Sehubungan itu, tuan/puan yang telah bersedia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D pada tahun 2011 dipohon untuk **mengisi borang** seperti di ***lampiran 2*** dan menyerahkan borang tersebut kepada **Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences UUM CAS/Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business UUM COB/Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Goverment UUM COLGIS** di kolej masing-masing untuk tindakan selanjutnya. Tarikh tutup permohonan adalah pada **07 Ogos 2011 (Ahad)** dan tempat yang ditawarkan adalah terhad kepada maksimun **40 orang peserta** sahaja.

**UTLC tidak akan menerima nama/borang pencalonan yang dihantar terus ke UTLC tanpa melalui Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences UUM CAS/Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business UUM COB/Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Goverment UUM COLGIS kolej masing-masing.**

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi urusetia di talian 04-9284855 (Pn. Rafidah).

Sekian, terima kasih.

============================
DARIPADA:
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4051
FAKS : 04-928 4054
E-MEL : utlc@uum.edu.my